



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	22/9/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:
JABATAN	:	PERHILITAN		5



HARIMAU Malaya
haiwan liar yang
dilindungi
sepenuhnya.

Oleh Hassan Omar
am@hmetro.com.my

Melaka

Orang ramai diberi amaran supaya tidak memburu harimau yang dikesan menghuni Hutan Simpan Kekal Bukit Sedanan, Selandar di sini.

Pemantauan pegawai Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Melaka mendapati harimau belang dan harimau kumbang yang dikesan di hutan berkenaan tidak menimbulkan 'kacau ganggu' atau konflik dengan manusia.

Pengarahnya, Mohd Firrdaus Mahmood menegaskan, kawasan itu diwartakan sebagai kawasan larangan berburu kerana memiliki pelbagai hidupan liar terutama harimau Malaya (*panthera tigris*) dan harimau bintang (*panthera pardus*).

"Habitat Hutan Simpan Bukit Sedanan perlu dipelihara dan dilindungi kerana memiliki pelbagai khazanah alam semula jadi, selain hai-

Perhilitan beri amaran

HM, 22 Sept
2021_5

Pemantauan dapati harimau tak timbulkan kacau ganggu, tiada kompromi aktiviti berburu



AHMAD

wan liar yang dilindungi sepenuhnya.

"Perhilitan tidak akan berkompromi dengan sesiapa sahaja didapati berburu atau memasang perangkap hai-



SELAMAT

wan liar sama ada di hutan itu atau kawasan lain," katanya semalam.

Beliau mengulas dakwaan ketua komuniti Orang Asli suku Temuan di Perkampu-

ngan Orang Asli Kampung Air Dusun, Tebong, Tok Batin Ahmad Salleh, 61, yang terjumpa kesan tapak kaki, dipercayai harimau belang di hutan berkenaan.

Ahmad mendakwa terjumpa tapak haiwan itu ketika mencari buah kerdas dalam hutan berkenaan beberapa minggu lalu.

Sementara itu, adiknya, Selamat, 57, mendakwa terserempak harimau kumbang ketika masuk ke hutan untuk mencari hasil hutan beberapa bulan lalu.

Dia mendakwa, muncul harimau kumbang dalam jarak 10 meter di hadapannya ketika dia menuruni bukit dalam hutan itu.